

Kod

ETIKA

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



Pekerja

Semua pekerja JKM hendaklah menghayati dan mengamalkan Kod Etika berikut pada setiap masa:

01

Etika Terhadap Pelanggan



- i. **Menghormati maruah**, nilai dan harga diri pelanggan sebagai individu.
- ii. Tidak bersangka buruk dan **tidak menghukum** pelanggan.
- iii. Menjamin **kerahsiaan pelanggan** tidak didedahkan kecuali kepada pihak yang berkaitan.
- iv. Sentiasa **bersopan santun** dan berbudi Bahasa terhadap pelanggan.

02

Etika Terhadap Rakan Sekerja dan Ahli Profesion Lain



- i. **Menghormati maruah**, nilai dan harga diri rakan sekerja dan ahli profesion lain.
- ii. **Menghormati pengetahuan**, kemahiran, pengalaman dan pandangan rakan sekerja dan ahli profesion lain.
- iii. **Menyokong**, membantu serta bekerjasama dengan rakan sekerja dan ahli profesion lain.
- iv. **Mengamalkan sikap positif**, bersopan santun dan berbudi Bahasa dengan rakan sekerja dan ahli profesion lain.

03

Etika Terhadap Jabatan



- i. Berusaha merealisasikan visi, misi, moto, objektif, strategi, dasar, peraturan dan amalan organisasi berlandaskan **akauntabiliti dan integriti**.
- ii. Menjaga dan mempertahankan imej Jabatan dengan **penuh tanggungjawab**.
- iii. Berusaha meningkatkan **produktiviti dan kualiti** perkhidmatan.
- iv. **Taat dan setia** kepada Jabatan.

04

Etika Terhadap Diri



- i. Bertanggungjawab kepada tugas yang diamanahkan melalui **amalan budaya kerja cemerlang**.
- ii. Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan kerja melalui **pendidikan dan latihan** secara berterusan.
- iii. Tidak terlibat dalam tindakan yang mengganggu, menindas dan **tidak mengambil kesempatan** terhadap pelanggan, rakan sekerja dan pihak lain.
- iv. **Muhasabah diri** dan bersedia menerima nasihat, teguran serta **sokongan** yang sewajarnya.

05

Etika Terhadap Masyarakat



- i. Berkhidmat dengan **ikhlas, jujur dan amanah** demi kesejahteraan dan pembangunan masyarakat.
- ii. Bertindak sebagai **penggerak** kepada pewujudan **masyarakat penyayang**.
- iii. Bersedia menjadi **sumber rujukan** kepada masyarakat berkaitan isu-isu **sosial** dan hal ehwal kebajikan.